

### TINGKATAN 3

### BAB 1 PENDUDUKAN JEPUN

#### 1. Pemerintahan Tentera Jepun

- bercorak ketenteraan tempatan.
- a. Maharaja **Mikada Meiji** telah memodenkan Jepun melalui pemulihan Meiji .
- b. **Faktor peluasan kuasa Jepun**
  - i. Masalah **ekonomi** akibat **sekaten ekonomi** oleh Amerika Syarikat .
  - ii. Pertambahan penduduk menyebabkan kekurangan **tanah pertanian**.
  - iii. Memerlukan **bahan mentah** dan **pasaran** untuk barangannya .

#### 2. Perluasan Kuasa Jepun

|    |             |   |
|----|-------------|---|
| a. | <b>1895</b> | - Jepun menyerang China untuk memperolehi bahan mentah dan pasaran .  |
| b. | <b>1905</b> | - Jepun menewaskan Rusia. Jepun dianggap sebagai kuasa besar. Kuasa Barat tidak sekuat disangka. Barat dan Timur tidak berbeza. |
| c. | <b>1910</b> | - Jepun menyerang Korea.  |
| d. | <b>1932</b> | - Jepun menakluki Manchuria.  |

|    |             |  |
|----|-------------|--|
| e. | <b>1937</b> | - Jepun memenangi Perang China-Jepun ke-2.   |
| f. | <b>1940</b> | - Amerika mengadakan <b>sekaten ekonomi</b> terhadap Jepun kerana Jepun enggan berundur dari China .   |
| g. | <b>1941</b> | - Jepun menduduki Indo-China . <ul style="list-style-type: none"><li>- Jepun menyerang pangkalan tentera Amerika Utama Pearl Harbour.</li><li>- Jepun menyerang Asia Tenggara untuk membebaskan Jepun daripada sekaten ekonomi .</li></ul> |

#### 3. Propaganda Jepun

- a. mempengaruhi penduduk dengan slogan-slogan (propaganda Jepun) untuk menyebarkan ideologi dan mendapat sokongan (memenang hati penduduk) untuk menentang penjajah.
- i. **Asia untuk Orang Asia**
  - Jepun tidak menyerang Thailand membuktikan Negara Asia tidak wajar dijajah oleh kuasa Barat .

- |   |  |
|---|--|
| <p>ii. <b>Semangat Asia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Negara-negara Asia mempunyai kekuatan jati sendiri .</li> <li>- menentang penjajah.</li> </ul>   | <p>ii. untuk melengah-lengahkan kemaraan tentera Jepun dan <b>melumpuhkan ekonomi</b> untuk menggagalkan cita-cita Jepun untuk menguasai bahan mentah .</p>  |
| <p>iii. <b>Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan zon ekonomi makmur yang diketuai Jepun.</li> <li>- Menemui kegagalan kerana import beras tergendala, barang naik harga dan pengangguran meningkat.</li> </ul> | <p>7. <b>Kejatuhan Singapura</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>15 Februari 1942</b> - Dalam masa 10 minggu sahaja seluruh Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun. <b>Leftenan Jeneral A.E.Percival</b> menyerah kalah kepada Leftenan Jeneral <b>Yamashita Tomoyuki</b> (Harimau Malaya).</li> <li>ii. Kekalahan British dari Singapura menyemarakkan <b>semangat antipenjajah</b> dan memberi iktibar supaya tidak mengharapkan kuasa asing untuk mempertahankan tanah air kita sendiri. Kuasa barat tidak sekuat disangka. (Iktibar: Perlu ada keyakinan diri)</li> </ul> |
- b. Berunsur **antipenjajah Barat** .
- c. Menonjolkan Jepun sebagai **pembela negara-negara Timur**.
- (Iktibar: Perlu berhati-hati terhadap propaganda dari luar)
- d. Penduduk mudah terpengaruh kerana mahukan kebebasan daripada penjajah.
4. **Kemaraan tentera Jepun**
- i. Pada **8 Disember 1941** , Jepun mendarat serentak di Utara Tanah Melayu di Singgora dan Patani (Thailand) dan Kota Bharu .
  - ii. Jepun mendarat di Miri (bertelaga minyak), Sarawak dari Cam Roah (Vietnam).
  - iii. **10 Disember 1941** , dua kapal ‘Prince of Wales’ dan ‘Repulse’ dihantar oleh British untuk menyekat kemaraan tentera Jepun tetapi ditenggalamkan oleh tentera berani mati Jepun (Kamikaze). Ketahanan British lumpur.
  - iv. **15 Feb 1942**, Singapura jatuh ke tangan Jepun.
5. **Cara kemaraan tentera Jepun**
- menggunakan kapal terbang, kereta kebal, bot-bot dan basikal yang boleh melalui jalan sempit, mempercepatkan perjalanan tanpa disedari.
6. **Taktik “bumi hangus” oleh tentera British.**
- i. memusnahkan jambatan , landasan kereta api, ladang, jalanraya, lombong, **telaga minyak** dan **dokumen-dokumen kerajaan** .
- ii. untuk melengah-lengahkan kemaraan tentera Jepun dan **melumpuhkan ekonomi** untuk menggagalkan cita-cita Jepun untuk menguasai bahan mentah .
7. **Kejatuhan Singapura**
- i. **15 Februari 1942** - Dalam masa 10 minggu sahaja seluruh Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun. **Leftenan Jeneral A.E.Percival** menyerah kalah kepada Leftenan Jeneral **Yamashita Tomoyuki** (Harimau Malaya).
  - ii. Kekalahan British dari Singapura menyemarakkan **semangat antipenjajah** dan memberi iktibar supaya tidak mengharapkan kuasa asing untuk mempertahankan tanah air kita sendiri. Kuasa barat tidak sekuat disangka. (Iktibar: Perlu ada keyakinan diri)
8. **Faktor Kejayaan Jepun**
- (Iktibar: bijak mengatur strategi.)
- i. **Kelengkapan perang yang moden**
    - kapal terbang ‘zero fighter’, kereta kebal dan basikal.
  - ii. **Pakatan Jepun-Thailand** - Thailand memberikan kemudahan laluan kepada tentera Jepun melalui Patani dan Singgora.
  - iii. **Strategi serangan Jepun yang baik.**  
Jepun memusnahkan Pearl Harbour, pangkalan tentera Amerika Syarikat terlebih dahulu. Jepun menyerang dari utara kerana ketahanan British tertumpu di Selatan Singapura.
  - iv. **Sokongan Kesatuan Melayu Muda**
    - memberi maklumat, menunjukkan arah dan menyebarkan propaganda Jepun.
    - Menyokong Jepun untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British.
  - v. **Semangat perjuangan tinggi tentera Jepun**
    - berpengalaman, berjuang untuk kemegahan Jepun dan berani/rela mati demi Maharaja Jepun. **“Berkorban untuk negara”/ mati dalam**

**peperangan merupakan satu pengorbanan.**

**vi. Kelemahan ketahanan tentera British**

- kurang latihan dan peralatan perang, lebih tertumpu dalam peperangan di Eropah dan tumpuan pertahanan di selatan Singapura. Askar India berpaling tadah menjadi anti-British.

**vii. Perancangan awal rapi perang**

- Jepun menggunakan **propaganda** untuk mendapatkan kerjasama penduduk
- aktiviti **perisikan yang berkesan memudahkan kemaraan tentera** (menyamar bagi pekedai, tukang beca, gunting rambut dan tukang gambar untuk mendapatkan maklumat)

viii. Basikal **cepat** dan sukar dikesani.

ix. Perancangan serangan yang rapi.

**9. Sistem Pentadbiran Jepun** terdiri daripada pentadbiran **pusat** dan **wilayah**.

- a. Regim tentera, kuasa tertinggi ialah Jeneral / Ganseikan berpusat di Singapura.
- b. Tanah Melayu dinamakan “Malai Baru”.
- c. Singapura dinamakan “Syonan” bermaksud “Cahaya Selatan”.
- d. Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dihadiahkan kepada Siam untuk membala jasa Siam kerana membenarkan tentera Jepun masuk melalui Patani dan Singgora (kemudahan laluan tentera).
- e. Kedudukan Sultan dikekalkan sebagai ketua agama / adat Melayu (Jepun mengiktirafkan institusi beraja) manakala beberapa pemimpin Melayu seperti Ibrahim Yaakob, Dr. Burhanudin, Abang Openg dan Kapten Mhd. Salleh dibawa masuk ke dalam pentadbiran Jepun menjadi pengawai pentadbir rendah untuk **mendapatkan sokongan orang Melayu dan mengatasi kekurangan pegawai**. (Ini memberi keyakinan / peluang kepada rakyat ke arah mentadbir negara

sendiri). Lahirlah golongan pemimpin tempatan.

- f. Sabah, Sarawak dan Brunei disatukan menjadi “Borneo Utara”.
- g. Kuasa tertinggi ialah Gabenor-Jeneral yang berpusat di Kuching, kemudian berpindah ke Sandakan kerana pemberontakan **Double Tenth** di Kuching.
- h. Orang India diberi layanan baik oleh Jepun untuk mendapatkan kerjasama mereka bagi menggulingkan British di India (Askar India British berpaling tadah membantu Jepun).

**10. Dasar Pendidikan (Berbahasa Jepun)**

- Melalui **penjepunan** untuk menghapuskan pengaruh Barat.
- a. Bahasa Jepun (Nippon-Go) diajar, Bahasa Inggeris dan Cina diharamkan.
- b. Lagu Kebangsaan Jepun ‘Kamigayo’ dinyanyikan
- c. Memupuk **taat setia** kepada Jepun / Maharaja Jepun / **berkorban untuk negara**.
- d. Kelulusan Bahasa Jepun penting dalam kenaikan pangkat.
- e. Mengharamkan penggunaan barang Barat.

**11. Dasar Ekonomi Jepun**

- a. Jepun memperkenalkan **ekonomi kawalan** (untuk menampung kekurangan makanan dan keutamaan diberi kepada “Kaisha” syarikat Jepun).
- b. Rancangan Tiga Tahun Sara Diri untuk menanam padi Taiwan dua kali setahun (Rakyat juga bekerjasama menanam ubi kayu dan tanaman lain yang cepat tumbuh).
- c. Pengeluaran makanan dikawal rapi (**catuan makanan**) dan nelayan mesti menjual ikan kepada wakil-wakil Jepun untuk **mengatasi kekurangan makanan**.
- d. Surat Pemberitahuan No.41 dikeluarkan untuk mengatasi kekurangan bahan

- makanan (setiap keluarga dikehendaki menanam kebun di halaman rumah)
- e. Dasar **ekonomi kawalan** merosot kerana:
    - i. **Sekatan ekonomi** oleh Amerika Syarikat.
    - ii. **Inflasi wang pokok pisang akibat** cetakan tanpa kawalan (barang naik harga=nilai matawang Jepun jatuh dengan teruk) (Peningkatan Inflasi)
    - iii. Bekalan pertanian / ubat-ubatan tenggelam akibat serangan pihak Berikut.
    - iv. Kekurangan makanan / masalah kesihatan timbul.
    - v. Perusahaan timah dan getah diabaikan / terbiar kerana “bumi hangus” oleh British.

## 12. Kesan Pendudukan Jepun:

- a. **Kebangkitan Nasionalisme Melayu** menyemarakkan semangat kebangsaan anti-penjajah.
  - i. Jepun membiayai Ibrahim Yaakob (KMM) membeli kilang akhbar **Warta Malaya** untuk memupuk semangat anti British / menentang British.
  - ii. Akhirnya Ibrahim Yaakob pula memberi maklumat kepada Komunis apabila menyedari bahawa beliau telah diperalatkan oleh Jepun.
  - iii. **KMM** dibubarkan oleh Jepun kerana berpaling tadah menentang Jepun.
  - iv. Ibrahim menubuahkan **KRIS** untuk **menentang Jepun** manakala Jepun menubuhkan **PETA** (Pembela Tanah Air) untuk **menentang British**. (**Iktibar**: Berwaspada terhadap penjajah)
- b. **Kekalahan Jepun**
  - i. Akibat pengguguran bom atom di **Hiroshima** dan **Nagasaki** oleh Amerika.

- ii. Pada 9 Sept 1945, Jeneral Seishira Itadaki menyerahkan kalah kepada Lord Louis Mounbatten di Singapura.
- c. **Perasaan Perkauman**
  - i. Jepun memberi layanan berbeza dan menggalakkkan penubuhan persatuan-persatuan berasaskan perkauman supaya **tiada perpaduan** / terpisah.
  - ii. Ini menyebabkan persengketaan kaum selepas pengunduran Jepun.
- d. **Gerakan Anti Jepun**( Kebanyakannya orang Cina)
  - i. sebelum kedatangan Jepun, British telah membebaskan tawanan komunis.
  - ii. **MPAJA** bekerjasama dengan British **memperolehi latihan dan senjata menentang Jepun secara gerila (Sekolah Latihan Khas 101)** kerana dikepong oleh musuh yang sama.
  - iii. Dengan syarat selepas perang tamat:-
    - i. MPAJA mesti memulangkan senjata.
    - ii. British mesti mengiktirafkan PKM sebagai parti politik yang sah.
  - iv. **Force 136** menentang Jepun dengan bantuan **puak kiri** dan tentera **Wataniah Pahang/Askar Melayu Setia**
  - v. **Puak Kadazan dan Gerila Kinabalu di Sabah dan Askar Melayu sedar** juga menentang Jepun secara gerila.
  - vi. Leftenan Adnan telah berkorban di Bukit Kepong menentang Jepun.
- e. **Kebangkitan Komunis**
  - Kebanyakan orang Cina menjadi komunis (MPAJA) kerana dilayan kejam oleh Jepun (kerana Jepun dan Negara China masih berperang dan orang Cina di Tanah Melayu menderma wang kepada Negara China untuk menentang Jepun).
- f. **Kemerosotan Ekonomi / Kesihatan**
  - wabak penyakit serta catuan beras dan serba kekurangan.
  - ubatan tradisional semakin penting.
- g. **Kekejaman kerajaan / tentera Jepun**

- Polis Kempetai Jepun yang kejam, menyeksa dan menakutkan rakyat. Seksa dahulu sebelum menyiasat.
  - memaksa rakyat membina landasan keretapi maut dari Thailand ke India.
  - Menyebabkan rakyat ketakutan dan saling mencurigai.
- h. Serba kekurangan**
- tiada rotan, akar pun berguna.
  - Penduduk **mahir / kreatif / berdikari** mencipta barang kegunaan daripada bahan/sumber tempatan terbuang seperti kain daripada benang nanas, kasut daripada getah keping dan bahan api daripada susu getah.
  - Industri Baru berdasarkan sumber tempatan banyak muncul tetapi kemudian lenyap kerana kekurangan bahan mentah.
  - Perusahaan tradisional menghasilkan minyak kelapa, gula kelapa dan rokok daun digiatkan semula.
- i. Keperitan / kesengsaraan hidup**
- hasil pertanian dirampas dan serangan penyakit.
  - Catuan beras / kad cantuan diberi kepada setiap keluarga untuk menampung kekurangan beras
  - bak kata pepatah : sudah jatuh ditimpah tangga.
  - Penduduk menanam tanaman lain seperti ubi kayu dan keledek mengantikan nasi.
  - Surat Pemberitahuan No:41 menyeru rakyat menanam di kawasan rumah untuk menampung kekurangan makanan.
- j. **Akhbar Fajar Asia** – akhbar yang menyebarkan propaganda Jepun.
  - k. **Koa Kunrenjo** (Sekolah Latihan Kepimpinan)
    - Orang tempatan diberi latihan pentadbiran dan berpeluang terlibat dalam pentadbiran Jepun untuk mengatasi kekurangan pegawai awam.
- l. Masalah Sosial**
- perintah berkurung dikenakan.
  - Ada yang menjadi tali barut pihak Jepun.
  - Ada yang dijadikan buruh paksa untuk membina Jalan Keretapi Maut.
13. Kekalahan Rusia kepada Jepun menunjukkan kuasa Barat tidak sekuat disangka. Kekalahan British kepada Jepun menyemarakkan semangat nasionalisme / anti-penjajah.
14. Akhirnya, Jepun mengiktirafkan KRIS untuk menggalakkan penggabungan Malaya-Raya (Malaya dengan Indonesia) ke arah kemerdekaan apabila tentera Jepun kian merosot dan tewasnya supaya British tidak dapat menjajah Tanah Melayu semula.
15. Jepun menanam tebu dibibir semasa menyerang Tanah Melayu dan mungkir janji untuk memberi kemerdekaan kepada negara kita. Bak kata pepatah “telunjuk lurus kelengkeng berkait”.
16. Penjajahan Jepun memberi pengajaran bahawa kita perlu **berusaha sendiri** untuk mengelakkan penjajahan asing dan mencapai kemerdekaan (Iktibar: Berwaspada terhadap penjajahan asing).

1.

## a. Pendudukan Jepun

(3 ½ tahun)




b. Huru-hara berlaku (14 hari) oleh MRLA semasa pemerintahan **Bintang Tiga** kerana **kelewatan British** menubuhkan kerajaan.



## c. Pentadbiran Tentera British



d. Kemudian British menubuhkan **Malayan Union** dan diistiharkan di King's House pada **1 April 1946** (**penjajahan mutlak**).

**Parlimen British****Gabenor**

- Selepas kekalahan Jepun, **MPAJA** (Bintang Tiga) keluar membunuh orang-orang tempatan (penghulu di Batu Pahat, Muar yang bekerjasama dengan Jepun) dan menyebabkan rusuhan (14 hari huru-hara persengketaan kaum).
- kekosongan politik / tiada penjajah / persengketaan kaum berlaku menyebabkan **ketegangan kaum**
- MPAJA / Bintang Tiga mengambil kesempatan untuk melakukan keganasan dan menegakkan **undang-undang sendiri**. Menguasai bandar-bandar besar, menduduki pejabat-pejabat kerajaan dan bertindak ganas terhadap penyokong Jepun.
- Kiai Salleh Karim telah bertindak balas menyerang orang Cina.
- i. untuk mengembalikan keamanan, memulihkan ekonomi dan kepercayaan rakyat, menegakkan undang-undang keadilan dan menyelesaikan pertelingkahan kaum (memulihkan jentera pentadbiran).
- ii. memujuk MPAJA supaya meletakkan senjata.
- iii. melaksanakan **pentadbiran peralihan** sementara menunggu kedatangan British.
- e. **Penyatuan** :
  - i. Negeri-negeri Melayu Bersekutu
  - ii. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
  - iii. Negeri-negeri Selat kecuali Singapura (Singapura menjadi tanah jajahan yang berasingan kerana mempunyai kepentingan yang berlainan.)
- f. **Bertujuan** untuk:-
- i. Mewujudkan pentadbiran yang cekap / menyeragamkan pentadbiran / **mengukuhkan politik**.
- ii. Mengukuhkan ketahanan.
- iii. **Menguasai ekonomi / hasil bumi**.
- iv. Menjadi tanah jajahan Mahkota British.
- v. Membentuk satu bangsa Malayan Union (oleh itu, hak kerakyatan dilonggarkan untuk menanam sikap taat setia imigran terhadap Tanah Melayu) supaya sumbangan tenaga imigran berterusan - menguntungkan kaum bukan Melayu.
- vi. Menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan.
- vii. Mengurangkan dan menguasai kuasa politik orang Melayu.

- Menjadi tanah jajahan mutlak Inggeris  
 - Undang<sup>2</sup> Malayan Union diputuskan oleh Parlimen British.

2. **Malaya Union dibubarkan akibat tentang UMNO** (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
- Hasil perpaduan dan muafakat orang Melayu seperti pepatah Melayu: Raja itu Rakyat, Rakyat itu Raja. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat / bersatu teguh, bercerai roboh.
  - Surat khabar orang Melayu (**Majlis, Warta Negara dan Utusan Melayu**) menyeru orang Melayu supaya bersatu-padu dalam satu pertubuhan peringkat kebangsaan / pusat dan menentang Malayan Union.
  - Demostrasi menentang Malayan Union dan membantah tindakan **Sir Harold Mac Micheal yang memaksa dan mengugut Sultan** menandatangani persetujuan penubuhan Malayan Union (**50 000 orang di Alor Setar, 10 000 di Kota Bahru / Tanah Melayu Hak Melayu, Malayan Union tidak dikehendaki**).

3. **Sebab-sebab Penentangan Malayan Union:**

- Kewibawaan Sultan tercabar / Kuasa Sultan akan hilang kepada Gabenor Sir Edward Gent** / Penjajahan mutlak. (Paksaan / Ancaman **Sir Harold Mac Micheal** terhadap Sultan). Kedaulatan dan kuasa Sultan terhapus. Sultan menjadi ahli Majlis Undangan Malayan Union (berkuasa atas adat Melayu dan agama Islam sahaja). Sultan tidak diberi masa untuk berfikir.

Bak kata pepatah Melayu: *ditelan mati emak, diluah mati bapak*

- Status guo/Kedudukan hak istimewa sebagai peribumi** orang Melayu tergugat / **Tamadun dan ketuanan orang Melayu terhakis**.
- Hak kerakyatan yang liberal / longgar berdasarkan tempat lahir (**jus soli**) / Bilangan Melayu akan berkurangan .
- Mengelakkan penjajahan mutlak Malayan Union.
- Orang Melayu mempertahankan kuasa Sultan, hak istimewa dan hak kerakyatan ketat.

4. **Pihak-pihak lain yang menentang Malayan Union:**

a. **Malayan Democratic Union (MDU)**

- Pertubuhan professional kaum Cina Singapura mengatakan penubuhan Malayan Union **tidak demokratik** kerana **Singapura tidak dimasukkan** ke dalam Malayan Union.

b. **Bekas pentadbir Tanah Melayu** seperti Frank Swettenham, George Maxwell, Cecil Clementi Smith dan Richard Winstedt menentang melalui **akhbar Times di London** secara terbuka.

5. **Malayan Union**  
(kerakyatan terbuka)

*jus soli*

- Disokong oleh persekutuan PUTERA (**PKMM, API, AWAS**) dan **BATAS**.
- Ditentang kuat oleh orang Melayu melalui UMNO termasuk kaum ibu UMNO, **Cikgu Zahara Abdullah, Che Mazuah Halimahton Majid dan Datin Puteh Mariah** yang **bersemangat kebangsaan tinggi membantah pelaksanaan Malayan Union** (memelihara kepentingan bangsa, kepekaan kepada masalah negara dan bersatu-padu mempertahankan negara).

6. **Jawatankuasa Eksekutif**

- Ditubuhkan untuk mengubal Perlembagaan Baru Persekutuan Tanah Melayu.

Ditubuhkan untuk menggubal



## 7. Persekutuan Tanah Melayu

Untuk mengantikan Malayan Union akibat tentangan keras UMNO. British juga ingin menjalankan dasar **dekolonisasi** yang digalakkan oleh PBB dan bimbangkan pengaruh PKM / Komunis.



### 8. a. Perlembagaan Baru (Persekutuan Tanah Melayu 1948)

Dipersetujui orang Melayu dan ditandatangani oleh Sultan di King House, Kuala Lumpur kerana lebih memihak kepada orang Melayu.

#### b. Malayan Union (Penjajahan mutlak) (1946) (Gabenor)

- i. Kuasa Sultan hilang
- ii. Hak istimewa / Tamadun orang Melayu tergugat.
- iii. Hak kerakyatan longgar / jus soli

- b. Dianggotai oleh pegawai kanan British, wakil Raja dan wakil UMNO (tiada wakil bukan Melayu).
- c. MDU menentang kerana tiada wakil bukan Melayu dalam Jawatankuasa Eksekutif.
- a. Ditentang oleh **MDU, AMCJA dan PUTERA** kerana **tiada wakil bukan Melayu** dalam **Jawatankuasa Eksekutif** (tidak demokratik).
- b. Ditentang oleh **AMCJA** yang diketuai oleh Tan Chen Lok. (tidak diterima oleh British kerana terlalu radikal / menuntut hak yang sama rata).
- c. Ditentang oleh **Gabungan Putera (AWAS, API dan PKMM)**.
- d. Disokong oleh UMNO / orang Melayu.

- i. **Kuasa raja dikekalkan** (Konsep Raja berperlembagaan diamalkan).

- ii. Hak istimewa / status quo / kepentingan orang Melayu dijamin oleh Pesuruhjaya Tinggi British.

- iii. Syarat kerakyatan diketatkan. (jus soli dibatalkan)

- iv. **Malayan Union dibubarkan / Status Negara jajahan menjadi naungan.**  
( Kejayaan UMNO terbesar )

Hasil penentangan UMNO

→ Tentangan UMNO  
(perpaduan Melayu)

#### c. Persekutuan Tanah Melayu (1948)(Pesuruhjaya Tinggi) (taraf naungan)

- i. Kuasa Sultan dikekalkan /**Raja berpelembagaan** diperkenalkan. (Raja bertakhta ikut pelembagaan)
- ii. Hak istimewa / status quo / Tamadun orang Melayu dijamin.
- iii. Hak kerakyatan ketat / jus soli dibatalkan.

#### iv. Disebabkan oleh faktor:

- dasar deklonisasi British melepaskan tanah jajahan
- sikap sederhana orang Melayu melonggarkan hak kerakyatan

9a.

### **UMNO / Orang Melayu**

- i. Menentang **Malayan Union**
- ii. menyokong Persekutuan Tanah Melayu

b.

### **PUTERA (API, AWAS, PKMM) AMCJA, MDU, BATAS, PKM**

- i. Menyokong Malayan Union kerana konsep kerakyatan terbuka / jus soli dan penyatuan sistem pentadbiran.
- ii. Menentang Persekutuan Tanah Melayu (kerana tiada wakil bukan Melayu dalam Jawatankuasa Eksekutif).

## **10. UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)**

- i. diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar selepas **Kongress Pertama di Kelab Sultan Sulaiman** Kuala Lumpur untuk menubuhkan satu persatuan **peringkat pusat** / kebangsaan (UMNO) untuk perpaduan Melayu **menentang Malayan Union**.
- ii. Perhimpunan ini dihadiri oleh 41 persatuan Melayu dan tarikh pengisytiharaan UMNO diisytiharkan. Penubuhan UMNO ditandatangani oleh **29 buah persatuan di Istana Besar Johor**. Dato' Onn menjadi Presiden UMNO yang pertama.
- iii. **Matlamat** :-menyatukan orang Melayu untuk menjaga kepentingan atau ketuanan orang Melayu, **memajukan pendidikan** dan **menentang Malayan Union** secara:
  - a. **Demonstarsi (tunjuk perasaan)** dan **hantar surat** bantahan ke London serta bantahan melalui surat khabar.
  - b. Sultan **memulaukan** majlis perasmian Malayan Union.
  - c. **Berkabung** dengan **melilit kain putih** di songkok atau lengan baju.
  - d. Seruan "**Hidup Melayu**" digunakan untuk **menyatukan** ahli UMNO untuk **menaikkan semangat** menentang Malayan Union.
  - e. Kemudian ditukar kepada seruan "**Merdeka**" atas cadangan wakil Pemuda Bahagian UMNO Batu Pahat,

Syeikh Ghatieh Raub untuk **menubuhkan kerajaan sendiri**.

- f. Dua ahli Parlimen British, **Kapten L.D. Gammans** dan **Rees William** telah dijemput untuk meninjau sejauh mana bantahan/ kebangkitan orang Melayu. Mereka dapati orang Melayu betul-betul menentang Malayan Union dan mereka mencadangkan kerajaan British agar menimba semula rancangan Malayan Union **kerana bimbang PKM akan mempengaruhi orang Melayu**.

## **11. Perjuangan UMNO**


- **Menyatupadukan** orang Melayu dan mewujudkan parti kebangsaan / peringkat pusat.
- Memajukan ekonomi, **pendidikan** dan kebajikan orang Melayu.
- Menghapuskan semangat kenegerian.
- Menjaga kepentingan orang Melayu.
- **Menghapuskan Malayan Union**.
- Melindungi kedaulatan Negara,

## **12. Perlembagaan UMNO digubal oleh:**

- Zainal Abidin bin Ahmad
- Dato' Panglima Bukit Gantang
- Dato' Nik Ahmad Kamil

## **13. Bendera UMNO**

- i. Warna merah – keberanian
- ii. Warna putih – kesucian dan keikhlasan
- iii. Warna kuning – lambang raja
- iv. Hijau – lambang agama Islam



### **TINGKATAN 3 BAB 3 ANCAMAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DAN DARURAT**

|   |   |   |
|---|---|---|
| 1 | <p>a. <b>Karl Marx</b></p> <p>b. <b>Comintern</b></p> <p>c. Parti Komunis Nanyang dan Parti Kuomintang (KMT)</p> <p>d. <b>MPAJA</b></p> <p>e. <b>MRLA</b> (unit gerila)</p> <p>f. <b>Min Yuen</b></p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengasas ideology komunis.</li> <li>- Pertubuhan Komunis Antarabangsa mengarahkan parti-parti komunis di Eropah menghantar agen untuk menyebarkan fahaman komunis ke seluruh dunia.</li> <li>- Membawa fahaman komunis ke <b>Tanah Melayu / Asia Tenggara</b> melalui kesatuan sekerja, persatuan-persatuan, kelas / sekolah malam dan penerbitan.</li> <li>i. Mendapat latihan gerila (dari Sekolah Latihan Khas 101 di Singapura semasa penjajahan Jepun) dan <b>senjata daripada British</b> melalui <b>Force 136</b> untuk <b>menentang Jepun</b> (kerjasama PKM dengan British menyebabkan Komunis bertambah kuat semasa penjajahan Jepun).<br/>ii. Dengan syarat selepas Perang Jepun tamat:           <ul style="list-style-type: none"> <li>a. PKM mesti memulangkan senjata kepada British (Setiap anggota komunis yang memulangkan senjata menerima \$ 350 dan seguni beras. Kesannya, ramai Komunis menyerah diri).</li> <li>b. British mesti mengiktirafkan PKM sebagai parti yang <b>sah (mengenang jasa</b> PKM membantu British menentang Jepun).</li> </ul> </li> <li>i. Ditubuhkan selepas <b>Persidangan Pemuda Komunis Asia di Calcutta, India</b>.</li> <li>ii. <b>Mengadakan pemberontakan bersenjata</b> untuk mencapai matlamat melumpuhkan ekonomi dan menubuhkan Republik Komunis.</li> <li>iii. Menyerang ladang dan lombong Eropah, menyerang balai polis, bakar kilang / bas, rosakkan landasan dan membunuh orang putih.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ditubuhkan oleh PKM.</li> <li>i. Bekerja sebagai pelombong atau peladang yang tinggal di <b>petempatan setinggan Cina di luar bandar / pinggir hutan</b>.</li> <li>ii. <b>Membekalkan makanan, ubatan dan matlumat kepada komunis serta menyebarkan propaganda komunis.</b></li> </ul> |
|---|---|---|

#### **2. Kegiatan Parti Komunis Malaya(PKM) :**

- Ingin mempengaruhi / menarik minat rakyat untuk membebaskan negara daripada penjajahan British (juga membuat perjanjian dengan parti-parti politik).
- 1935**, komunis melancarkan **mogok / pemberontak** dan sa'botaj untuk **melumpuhkan ekonomi dan menubuhkan kerajaan sendiri** (6000 orang komunis juga melancarkan mogok di lombong arang batu di Batu Arang, Selangor. 300 anggota polis dihantar untuk menamat permogokan. **Pemimpin PKM yang tertangkap dihantar balik ke China atau ditahan/dipenjarakan**).

- c. **Darurat** diisytiharkan oleh Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu untuk **melindungi ekonomi** apabila komunis (**MRLA**) mengganas dan **membunuh 3 orang peladang Eropah di Sungai Siput**.
- d. Komunis tidak diterima oleh orang Melayu kerana **bertentangan dengan agama Islam** (tidak **mempercayai Tuhan dan bertentangan dengan adat resam orang Melayu**, menggunakan kekerasan dan hanya memperjuangkan kepentingan orang Cina sahaja).
- e. Selepas mesyuarat Pusat Komunis di Pahang, komunis **membunuh Pesuruhjaya Tinggi Sir Henry Gurney** semasa beliau dalam perjalanan ke Bukit Fraser. Ini merupakan kejayaan komunis terbesar.
- f. 

|   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|
| <b>Semasa Penjajahan British</b><br>(PKM menentang British) | → | <b>Penjajahan Jepun</b><br>(PKM bekerjasama dengan British mendapat latihan gerila dan senjata untuk menentang Jepun) | → | <b>Kedatangan British semula selepas Perang</b><br>PKM menentang British secara melumpuhkan ekonomi untuk menubuhkan Republik Tanah Melayu. |
|---|---|---|---|---|

### 3. Langkah Membanteras Ancaman Komunis:

- a. **Pengisytiharaan Darurat**
  - i. British berkuasa menahan tanpa bicara dan perintah berkurung (1948-1960) menggeledah rumah, memagarkan dan memindahkan penduduk ke Kampung Baru.
- b. **Pengharaman Parti Komunis Melaya dan Parti Fahaman Kiri / Sosialis.**
  - Parti AWAS, PETA, PKMM, Hizbul Muslimin, API, PERAM, PUTERA dan AMCJA. Semuanya dibubarkan kerana bersifat **agresif / kekerasan**.
- c. **Membawa masuk bantuan Pasukan Keselamatan**
  - British membawa masuk **bantuan tentera Komanwel** dari negara-negara seperti Fiji, Gurkha, Australia, New Zealand dan Afrika tetapi malangnya **gagal** mengatasi komunis kerana komunis mengamalkan perang gerila.
- d. **Rancangan Briggs** dilancarkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Sir **Henry Gurney**. Hasil cadangan Pengarah Operasi menentang komunis **Sir Harold Rawdon Briggs** untuk menyekat ancaman komunis:-
  - i. **Kampung Baru** (dilengkapi kemudahan asas seperti elektrik, sekolah, bekalan air, tempat tinggal dan kesihatan). Penduduk dipindah/ditempat semula ke Kampung Baru.
    - a. Untuk **melindungi** penduduk daripada ugutan komunis.
    - b. untuk **melumpuhkan kegiatan Min Yuen** supaya komunis keputusan bekalan makanan, ubatan, wang dan maklumat.
  - ii. “**Gerakan Kelaparan**” atau “**Catuan Beras**” dikenakan menyebabkan komunis keputusan bekalan makanan dan ramai komunis keluar dari persembunyian lalu dibunuh.
  - iii. **Special Constable** atau **Home Guard** ditubuhkan untuk mengawal Kampung Baru, lombong dan ladang daripada pencerobohan Komunis.
  - iv. **Sistem Pendaftaran Kebangsaan**
    - **Kad pengenalan** diperkenalkan kepada sesiapa yang berumur 12 tahun ke atas untuk **menyekat pergerakan komunis** supaya pergerakan komunis terbatas.

- e. **Kempen “Bulan Penduduk Tanah Melayu Menentang Komunis”** dilancarkan oleh **Sir Henry Gurney – perpaduan** penduduk dan rapat umum membawa sepanduk mengutuk komunis, membakar patung komunis dan penyebaran risalah untuk menentang komunis.
- f. **Penubuhan parti bercorak tempatan bukan komunis seperti MCA.** MCA bekerjasama dan membantu kerajaan British membanteras komunis. MCA membantu British memindahkan setinggan Cina ke Kampung Baru.
- g. **Perang Saraf** (dilancarkan oleh Sir Gerald Templer) berjaya **menawan hati** / fikiran rakyat secara **perpaduan** rakyat (mendapat kerjasama/sokongan rakyat) dan menghapuskan perasaan perkauman untuk **menentang / menghapuskan komunis**. Penggunaan kekerasan dan senjata semata-mata tidak dapat menghapuskan komunis.
  - i. **Melonggarkan hak kerakyatan** untuk menarik orang Cina dan India supaya tidak menyokong komunis (merupakan pengorbanan orang Melayu terhadap kaum lain demi perpaduan dan kesejahteraan).
  - ii. Proses ke arah kerajaan sendiri dipercepatkan dengan **pilihanraya** untuk melemahkan perjuangan PKM.
  - iii. **Tawaran hadiah** menangkap dan membunuh Komunis (\$250,000 untuk kepala Chin Peng) dan komunis yang menyerah diri diberi \$350 dan seguni beras. Ini menyebabkan ramai komunis menyerah diri.
  - iv. **Pengampunan** beramai-ramai kepada komunis yang menyerahkan diri untuk memulakan hidup baru (untuk meningkatkan keselamatan negara).
  - v. **Pengenalan Kawasan Hitam/Putih**
    - Melaka yang bebas daripada komunis digelar **Kawasan Putih**. Kawasan yang masih diancam oleh komunis dikenakan perintah berkurang, digelar **Kawasan Hitam**.
- h. **Rundingan Baling** (untuk mengisyiharkan gencatan senjata iaitu menamatkan darurat / pemberontakan komunis) diadiri oleh:-

| <b>Komunis</b> | <b>Persekutuan</b> |
|----------------|--------------------|
| Chin Peng      | Tunku Abdul Rahman |
| Chin Tien      | Tan Cheng Lock     |
| Rashid Maidin  | David Marshall     |

- i. malangnya **gagal** membawa perdamaian kerana **PKM tidak diiktirafkan sebagai parti yang sah** oleh kerajaan:-
- ii. Tunku Abdul Rahman meminta Chin Peng membubarkan PKM, meletakkan senjata dan menyerah diri.
- iii. PKM pula menghendaki kerajaan **mengiktirafkan PKM sebagai parti politik yang sah**.
- iv. Tunku Abdul Rahman enggan bertolak ansur kerana fahaman komunis tidak sesuai dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum. (Darurat dikekalkan sehingga 1960)

#### 4. Kesan Darurat

- a. **Politik**
  - i. Mempercepatkan langkah ke arah **kerajaan sendiri**.
  - ii. British **memberi kemerdekaan lebih awal** walaupun darurat belum ditamatkan untuk **melumpuhkan PKM** supaya PKM tidak mempunyai alasan untuk meneruskan perjuangan mereka.
  - iii. Parti haluan kiri / sosialis diharamkan.
  - iv. MCA ditubuhkan (membantu British memujuk orang Cina berpindah ke Kampung Baru).

- b. **Ekonomi**
    - i. **Darurat** menyebabkan kemasuhan sistem perlombongan, jentera melombong, kemudahan awam, gangguan terhadap buruh dan **menjejaskan ekonomi**.
    - ii. **Perbelanjaan ketahanan meningkat** untuk mengukuhkan sistem ketahanan (Akibatnya pembangunan luar bandar terabai kerana British menumpukan pembangunan di Kampung Baru).
  - c. **Sosial**
    - i. Darurat menyebabkan ramai nyawa terkorban. Penduduk sukar untuk bergerak kerana perintah berkurung, catuan makanan dikenakan dan tidak dapat bekerja di kawasan pertanian.
    - ii. Hubungan kaum menjadi renggang.
5. Perjuangan PKM gagal kerana **kerjasama rakyat dan kerajaan kukuh**.
6. **Tugu Peringatan Negara** didirikan untuk mengenang jasa dan pengorbanan para perajurit yang terkorban kerana mempertahankan kedaulatan tanah air daripada ancaman Komunis.

### **TINGKATAN 3 Bab 4 Kerjasama Antara Kaum Ke Arah Kemerdekaan**

- 1. **Ke Arah Mencapai Perpaduan Kaum**
  - i. Perpaduan dihalang oleh perbezaan politik, ekonomi, sosial, bahasa dan agama.
  - ii. Setiap kaum mempunyai budaya dan bahasa yang berlainan. **Kerjasama/ perpaduan** diperlukan untuk menjamin kestabilan politik dan keharmonian masyarakat jika Tanah Melayu inginkan kemerdekaan.
- 2. **Langkah-langkah untuk mencapai perpaduan:**
  - a. **Penubuhan Jawatankuasa Hubungan antara Kaum (CLC)**
    - untuk mencapai perpaduan kaum.
    - i. dianggotai oleh pemimpin tempatan.
      - Dato On Jaafar
      - Tun Tan Cheng Lock
      - Dato E.E.C Thuraisingam
    - ii. CLC berkomproni dengan UMNO menghasilkan:
      - **Kelonggaran syarat kerakyatan** kepada kaum bukan Melayu.
      - Bantuan ekonomi dan pelajaran kepada Melayu oleh MARA / RIDA(menaikkan taraf hidup).
  - Pilihanraya akan diadakan 5 tahun sekali..
  - Sistem pendidikan yang mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu
  - Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- b. **Usaha / Gabungan parti-parti politik mewujudkan perpaduan kaum**
  - i. **Independence of Malaya Party (IMP)** dan **Parti Negara** ditubuhkan untuk melahirkan **perpaduan** kaum.
  - ii. **Konferensi Nasional** diadakan oleh IMP untuk melahirkan kerjasama / perpaduan kaum.
  - iii. **Konvensi Nasional oleh UMNO** diadakan untuk mencapai perpaduan / kerjasama kaum.
  - iv. **Parti Perikatan** ditubuhkan daripada kerjasama antara parti UMNO, MCA dan MIC.
- c. **Pendidikan Alat Perpaduan Cadangan Laporan Pelajaran Tanah Melayu** untuk menyeragamkan **sistem pendidikan kebangsaan** untuk mencapai **perpaduan / semangat kebangsaan**.

- i. **Laporan Barnes 1951** – untuk mencapai **perpaduan**.
    - pendidikan sekolah rendah diwajibkan.
    - Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah.
    - Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah.
    - Dibantah oleh kaum bukan Melayu kerana Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diketepikan (Bimbang kebudayaan dan bahasa Cina dan India akan hilang).
  - ii. **Laporan Fenn-Wu 1951** – untuk mencapai **perpaduan**.
    - mahu mengekalkan sistem pendidikan vernakular Cina.
  - iii. **Ordinan Pelajaran 1952** – untuk mencapai **perpaduan**.
    - Pendidikan sekolah rendah diwajibkan
    - Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Sekolah Rendah.
    - Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di Sekolah Menengah.
  - iv. **Laporan Razak (1956)** – untuk mencapai **perpaduan**.
    - **Sistem sekolah Umum** (Bahasa Melayu sebagai pengantar).
    - **Sistem sekolah Jenis Umum** (Bahasa Cina, Tamil dan Inggeris sebagai bahasa pengantar).
    - sekolah rendah diwajibkan.
    - sukanan pelajaran, sistem peperiksaan, latihan perguruan dan Sistem Nazir yang seragam.
  - v. Sekolah Tamil kurang mendapat sambutan daripada ibu bapa kerana lebih suka anaknya membantu di ladang.
3. **Kerjasama Kaum ke Arah Berkerajaan Sendiri**
- a. **Sistem Ahli** (1951) = untuk mewujudkan **kerjasama** kaum/menyeragamkan sistem pentadbiran.
    - i. Hasil cadangan daripada Dato Onn.
    - ii. Memberi **latihan pentadbiran** dan memupuk perpaduan ke arah kerajaan sendiri.
    - iii. Merupakan sistem **kabinet bayangan** (Ahli politik bukan bangsawan dilantik terbentuk tanpa pilihanraya)
    - iv. Sembilan ahli **dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British daripada pemimpin tempatan** bukan golongan bangsawan dan bukan dipilih melalui pilihanraya.
      - Dato Onn (Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri)
      - Dato Mahmud Mat (Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan)
      - Dato E.E.C.Thuraisingam (Ahli Pelajaran)
      - Dr. Lee Tiang Keng (Ahli Kesihatan)
  - b. **Kelonggaran syarat kerakyatan Persekutuan** = untuk mencapai **kerjasama** kaum
    - i. Syarat kerakyatan dilonggarkan kepada imigran:
      - supaya mereka mencurahkan **taat setia** kepada Persekutuan Tanah Melayu
      - untuk mengelakkan imigran daripada memihak komunis.
      - menyebabkan **pertambahan** imigran di Persekutuan Tanah Melayu.
    - ii. Syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu dilonggarkan secara
      - (a) **Kuatkuasa Undang-undang** - jus soli kepada Rakyat Raja dan Rakyat British atau Rakyat Negeri-negeri Selat.
      - (b) **Naturalisasi** - Rakyat British tinggal lebih 10-12 tahun
      - (c) **Secara pemohonan**
        - pemohon >21 tahun, tiada rekod jenayah dan bersumpah taat setia.

- Tinggal selama 8 daripada 12 tahun, umur 21 tahun dan boleh berbahasa Inggeris dan Melayu.
- iii. Sebagai tukar ganti kepada kelonggaran kerakyatan Persekutuan, RIDA ditukar kepada MARA untuk meningkatkan **taraf sosioekonomi** orang Melayu (semangat tolak-ansur/bekerjasama).
- c. **Pembentukan Parti Perikatan** = untuk mewujudkan **kerjasama** perpaduan kaum dalam politik (semangat tolak-ansur) (British menyokong penubuhan parti perikatan UMNO-MCA-MIC untuk **menjamin kepentingan ekonomi dan politik British**)
- i. **1952 – Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur**
    - Pakatan UMNO KL dengan MCA Selangor ditubuhkan.
    - **Konvensi Nasional diadakan.**
    - Perikatan UMNO-MCA dibentuk.
    - Kerjasama untuk memenangi pilihanraya negeri.
  - ii. **1955 – Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC** ditubuhkan melahirkan **perpaduan** ke arah kemerdekaan.
    - memenangi 51/52 kerusi dalam pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan.
    - Kerjasama antara kaum dalam Parti Perikatan dapat melemahkan pengaruh Parti Komunis Malaysia.
  - iii. **Konferensi Nasional diadakan**
    - Parti IMP (kerjasama pelbagai kaum dalam satu parti dibentuk oleh Dato Onn Jaafar).
  - iv. **1955 Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan**
    - Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman.
  - d. **Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur 1952 / Negeri 1954**
    - ke arah kerjasama dan demokrasi.
  - e. **1955 – Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan** = untuk kemerdekaan dan demokrasi ke arah kerajaan sendiri.
    - i. - **Manifesto Parti Perikatan** untuk mendapatkan sokongan :
      - berhasrat mencapai kemerdekaan dalam tempoh empat tahun.
      - mewajibkan pendidikan rendah
      - melindungi hak raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan.
      - menamatkan darurat.
      - menjadikan perkhidmatan awam yang bercorak tempatan.
    - ii. **Parti Perikatan** memenangi 51/52 kerusi kerana:
      - sikap **tolak ansur/toleransi** parti-parti
      - kerjasama / muafakat antara kaum.
      - kesanggupan setiap kaum berkongsi kuasa dalam politik.
      - kebijaksanaan pemimpin.
      - kesepakatan menolak pengaruh PKM
      - semangat kemerdekaan berkobar-kobar.
      - manifesto parti perikatan diterima umum.
    - iii. PAS memenangi 1/52 kerusi
    - iv. **Parti Negara** 0/52 kerusi
    - v. **Majlis Perundangan Persekutuan mencadangkan**
      - 52 kerusi **dipilih** melalui pilihan raya.
      - 48 ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.(Parti Perikatan menentang cadangan ini dan Tunku Abdul Rahman telah pergi ke London untuk menuntut 60% atau 3/5 ahlinya **dipilih** tetapi gagal)
    - vi. **Jawatankuasa Pilihan Raya** ditubuhkan untuk melanjutkan proses demokrasi ke arah kerajaan sendiri.
    - vii. Kemenangan Parti Perikatan memberi mandat kepada Tunku Abdul Rahman untuk **menuntut kemerdekaan**.